SULIT

# UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

## PEPERIKSAAN AKHIR
## SEMESTER II
## SESSI 2012/2013

| | | |
|---|---|---|
| NAMA KURSUS | : | PENGURUSAN PROJEK |
| KOD KURSUS | : | BBP 20402 |
| PROGRAM | : | SARJANA MUDA PENDIDIKAN VOKASIONAL (ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK) |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | JUN 2013 |
| JANGKA MASA | : | 2 JAM |
| ARAHAN | : | JAWAB SEMUA EMPAT SOALAN |

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT

SULIT

**S1** (a) Nyatakan definisi projek.

(3 markah)

(b) Terdapat empat fasa utama di dalam sesebuah projek. Dengan bantuan rajah yang bersesuaian lukiskan perbezaan tahap usaha yang diberikan di dalam empat fasa pengurusan projek tersebut.

(6 markah)

(c)




**Rajah S1(c)**

Antara halangan-halangan utama yang biasa dihadapi di dalam menguruskan sesebuah projek adalah skop, kos, penjadualan dan kepuasan pelanggan, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah S1(c). Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan setiap halangan ini dan nyatakan bagaimanakan cara untuk mengatasi setiap halangan tersebut.

(16 markah)

**S2** (a) Nyatakan apakah yang dimaksudkan dengan dokumen *Request For Proposal (RFP).*

(2 markah)

(b) Fasa pertama dalam pengurusan sesebuah projek adalah mengenalpasti keperluan, masalah dan peluang. Jelaskan lima perkara utama yang perlu diambil kira sebelum menyediakan dokumen *Request For Proposal (RFP).*

(10 Markah)

(c) Di akhir fasa pertama dalam pengurusan sesebuah projek, pihak pelanggan akan menyediakan dokumen *Request For Proposal (RFP)* kepada pihak kontraktor. Nyatakan dan jelaskan ciri-ciri sebuah dokumen *Request For Proposal (RFP)* yang baik.

(13 markah)

**S3** (a) Nyatakan fasa kedua dalam pengurusan sesebuah projek.

(2 markah)

(b) Jelaskan tiga bahagian utama di dalam kertas kerja sesebuah projek.

(9 Markah)

(c) Setelah pihak kontraktor menghantar kertas kerja kepada pihak pelanggan, satu proses penilaian kertas kerja akan dilakukan oleh pihak pelanggan. Nyatakan dan jelaskan kriteria-kriteria kertas kerja yang mampu menarik minat pihak pelanggan dan seterusnya memungkinkan pihak kontraktor mendapat sesebuah projek tersebut.

(14 markah)

**S4** (a) Nyatakan apakah yang dimaksudkan dengan Struktur Pecahan Kerja (*Work Breakdown Structure – WBS)* ?

(2 markah)

(b) Jelaskan tiga tujuan dan faedah menyediakan Struktur Pecahan Kerja ini.

(9 markah)

(c) Matriks Kebertanggungjawaban (*Responsibility Matrix*) merupakan carta yang disediakan dan diolah selepas penyediaan Struktur Pecahan Kerja sesebuah projek. Berdasarkan rajah S4(c) lakarkan Matriks Kebertanggungjawaban dan jelaskan secara ringkas maklumat yang dapat dilihat daripada Matriks Kebertanggungjawaban ini.

(14 markah)




**Rajah S4(c) : Struktur Pecahan Kerja**

KERTAS SOALAN TAMAT